

25 JUN 1999

Nik Aziz-Slogan

PAS TETAP DENGAN PENDIRIAN TUBUH NEGARA ISLAM

KOTA BAHARU, 25 Jun (Bernama) -- Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, PAS tetap meneruskan perjuangannya untuk menubuhkan sebuah negara Islam walaupun slogan mewujudkan negara Islam akan digugurkan kelak dalam manifesto bersama parti-parti pembangkang semasa pilihan raya nanti.

Beliau berkata, PAS sebagai sebuah parti Islam tetap mempertahankan perjuangan untuk menubuhkan negara Islam dan mendekatkan orang yang belum lagi Islam kepada Islam.

"Saya sebut dengan ikhlas bahawa sekadar slogan ini boleh kita ubah, tak apa, asalkan pendirian kita tetap dengan perjuangan Islam," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan kuliah agama di sini, hari ini.

Semalam, Nik Aziz dilaporkan berkata PAS bersedia menggugurkan slogan mewujudkan negara Islam sebagai bukti tolak ansurnya dengan parti-parti politik lain yang ingin bekerjasama dengannya termasuk DAP.

"Slogan tidak ada apa...boleh dibuang untuk menyelesaikan masalah tetapi Islam dan penubuhan sebuah negara Islam terus diperjuangkan," kata Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan.

Beliau berkata, PAS tidak akan mempedulikan apa yang akan diperkatakan orang termasuk sebagai gimik politik untuk mendapatkan kerjasama dalam pakatan parti-parti pembangkang, berikutan kesediaan menggugurkan slogan berkenaan.

"Orang nak kata gimik politik itu dia punya pasal, dalam ceramah kelak kita tetap mengatakan memperjuangkan penubuhan negara Islam," katanya.

Nik Aziz juga ditanya adakah PAS akan mengubah strategi dengan memberi tumpuan kepada Kelantan sahaja dalam menghadapi pilihan raya umum kelak memandangkan UMNO Kelantan kini diterajui Tengku Razaleigh Hamzah.

Beliau berkata, tidak ada strategi yang akan diubah malah tumpuan yang sama terus diberikan kepada negeri-negeri lain sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum kelak.

"Sebelum ini PAS lawan Umno masa Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad) sendiri jadi pengerusi Umno Kelantan dan Datuk Annuar Musa jadi timbalan, kedua-duanya menteri. Ku Li menteri pusat pun tidak, kalau kita sanggup lawan Dr Mahathir masa jadi pengerusi Umno Kelantan, kenapa kita tidak boleh lawan Ku Li," katanya.

-- BERNAMA

BD PR